

- 1 Pengkhususan pekerjaan merupakan ciri utama kemunculan tamadun awal.

Apakah kesan perkembangan tersebut ?

- A Menghasilkan pertukaran barang
- B Melahirkan banyak pekerja mahir
- C Mengembangkan penciptaan alatan
- D Menjadikan corak hidup sistematik

- 2 Masyarakat Hwang Ho percaya kuasa raja adalah **mandat daripada Tuhan**.

Apakah yang menyebabkan mandat ini hilang ?

- A Pemilikan tanah terbatas
- B Pemerintah berlaku zalim
- C Pemerintah bukan ahli agama
- D Penilikan daripada tulang oracle

- 3 Dialog di bawah mungkin berlaku semasa empayar Maurya pada masa pemerintahan Maharaja Asoka.

Rakyat 1 : Berapa ramai lagi akan terkorban dalam Perang Kalinga ini semata-mata Maharaja Asoka hendak meluaskan empayarnya?

Rakyat 2 : Terdapat berita yang menyatakan setakat ini 100 000 orang telah terkorban. Moga-moga Maharaja akan menamatkan perang ini dengan segera.

Apakah pengajaran yang boleh dicontohi daripada pemerintahan Maharaja Asoka berdasarkan peristiwa tersebut ?

- A Pemerintahan kuku besi
- B Penguasaan angkatan tentera
- C Perkembangan agama Hindu
- D Perdamaian dan kesejahteraan

SULIT**1249/1**


- 4 Tokoh berikut berjaya menyatukan seluruh kerajaan kecil di China dan membentuk empayar iaitu Dinasti Chin.



Maharaja Shih Huang Ti

Apakah corak pemerintahan beliau ?

- A Autokratik
 - B Demokrasi
 - C Republik
 - D Tirani
- 5 Tasik Tonle Sap memainkan peranan penting kepada kerajaan Angkor.
Bagaimanakah Tasik Tonle Sap menyumbang kepada kemajuan kerajaan tersebut ?
- A Pelabuhan
 - B Pengangkutan
 - C Penanaman padi
 - D Pusat pelancongan
- 6 Apakah yang mendorong kepada perubahan berikut?



- A Kewujudan negeri
 - B Kawasan taklukan luas
 - C Kemunculan tenaga mahir
 - D Kehadiran pedagang asing
- 7 Apakah sumbangan al-Arqam bin Abu Arqam dalam membantu penyebaran Islam ?
- A Merupakan pendakwah di Madinah selepas Perjanjian Aqabah
 - B Menjadikan rumahnya sebagai pusat dakwah Islamiah
 - C Mengintip kegiatan orang Arab Quraisy terhadap Islam
 - D Membantu keluarga Nabi Muhammad s.a.w. semasa pemulauan

SULIT**1249/1**

- 8 Maklumat berikut berkenaan penentangan orang Arab Quraisy terhadap Nabi Muhammad s.a.w. semasa penyebaran Islam.

- Baginda diejek dan ditohmah
- Baginda dan keluarganya dipulau

Apakah nilai yang ditonjolkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam menghadapi penentangan tersebut ?

- A Berdikari
 B Cekal
 C Jujur
 D Tegas
- 9 Nabi Muhammad s.a.w. dan Abu Bakar al-Siddiq bersembunyi selama tiga hari sebelum meneruskan hijrahnya ke Madinah.

Tempat persembunyian baginda ialah

- A Bukit Uhud
 B Bukit Safa
 C Gua Thur
 D Gua Hirak
- 10 Maklumat berikut berkaitan kandungan Perjanjian Hudaibiyah.

- Orang Islam Madinah yang memihak ke Makkah tanpa kebenaran penjaganya tidak perlu dipulangkan.
- Orang Quraisy Makkah yang memihak ke Madinah tanpa kebenaran penjaganya perlu dipulangkan semula.

Mengapakah Nabi Muhammad s.a.w. sanggup menerima tuntutan orang Arab Quraisy tersebut ?

- A Peningkatan ekonomi
 B Penyatuan ahli keluarga
 C Penyebaran Islam meluas
 D Perisikan maklumat

SULIT

1249/1

11 Maklumat berikut mengenai pusat pemerintahan kerajaan-kerajaan Islam.

Kerajaan Islam	Pusat Pemerintahan
Turki Uthmaniyah	Istanbul
Bani Abbasiyah	X

Apakah X ?

- A Basrah
- B Cordova
- C Damsyik
- D Baghdad

12 Bagaimanakah **golongan Mudejar** membantu perkembangan Islam di Eropah?

- A Mengajukan majlis ilmu kepada orang bukan Islam
- B Mengumpul maklumat para cendekiawan Islam
- C Mempengaruhi kehidupan harian orang Eropah.
- D Menterjemah hasil karya Greek ke dalam bahasa Arab

13 Apakah persamaan hasil karya sastra tersebut?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Hikayat Amir Hamzah • Hikayat Ali Hanafiah |
|---|

- A Membangkitkan semangat menentang musuh
- B Menyemai sikap beramal dalam masyarakat
- C Menggunakan gaya bahasa Melayu kuno
- D Mengisahkan keindahan sebuah kerajaan

14 Apakah nama jawatan yang berperanan sebagai penasihat sultan dalam hal ehwal agama Islam?

- A Khatib
- B Mufti
- C Bilal
- D Kadi

15 Apakah motif ukiran Melayu selepas kedatangan Islam di Malaysia?

1249/1

<http://edu.joshuatly.com/>
<http://fb.me/edu.joshuatly>

Lihat Halaman Sebelah
SULIT


- I Tumbuhan
- II Haiwan
- III Manusia
- IV Geometri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Bagaimanakah baitulmal berperanan dalam membantu perkembangan ekonomi Melaka?

- A Menetapkan penggunaan mata wang
- B Menguruskan gedung perniagaan
- C Menyelenggarakan harta kerajaan
- D Menentukan jumlah bayaran cukai

17 Apakah pengajaran yang diperoleh daripada perubahan zaman di bawah.



- A Penghargaan ilmu pengetahuan
- B Pengukuhan kesetiaan rakyat
- C Penyatuan penganut Kristian
- D Penguasaan mutlak Raja

18 Apakah teknologi yang dicipta semasa Revolusi Pertanian di Britain?

- A Flying Shuttle
- B Alat Jethro Tull
- C Spinning Jenny
- D Water Frame

19 Mengapakah penguasaan pemodal dari China semakin merosot dalam sektor perlombongan bijih timah pada abad ke-20?

- A Pengenalan teknologi kapal korek
- B Pelabur Cina kekurangan aliran modal
- C Penguasaan pembesar Melayu berubah
- D Pemodal Barat mendapat hak melombong

20

1890-an – Sanitary Board

Apakah fungsi penubuhan lembaga tersebut?

- A Mengkaji punca penyakit
- B Memastikan bekalan air bersih
- C Mengawal wabak penyakit berjangkit
- D Mengawas kebersihan dan kesihatan bandar

21 Apakah implikasi pengenalan akta tersebut kepada Burma?

TAHUN	PERKARA
1887	<i>Akta Kampung Ulu Burma</i>
1889	<i>Akta Perkampungan Burma</i>

- A Pendapatan penduduk tempatan merosot
- B Pengaruh golongan agama meningkat
- C Pentadbiran tradisional lenyap
- D Pemungutan cukai ditamatkan

22 Gambar menunjukkan pemimpin politik di Filipina



Jose Rizal

Apakah pertubuhan yang berkaitan dengan tokoh di atas?

- A Liga Filipina
- B Parti Rakyat Filipina
- C Gerakan Belia Filipina
- D Parti Komunis Filipina

23 Bagaimanakah British menghadapi penentangan Tok Janggut di Kelantan?

- A Membakar kampung Tok Janggut
- B Membuat perjanjian damai
- C Membatalkan sistem cukai
- D Membawa masuk tentera dari Negeri Selat

24 Senarai berikut merupakan akhbar dan majalah yang menjadi saluran Gerakan Islah.

Gerakan Islah	<ul style="list-style-type: none"> • al-Imam • Neracha • X
---------------	---

Apakah X?

- A Lembaga Malaya
- B Utusan Melayu
- C Idaran Zaman
- D Warta Malaya


25 Apakah objektif utama penubuhan Kesatuan Melayu Muda pimpinan Ibrahim Haji Yaakob?

- A Menuntut kemerdekaan
- B Menegakkan ajaran Islam
- C Memajukan ekonomi orang Melayu
- D Meningkatkan tahap pendidikan orang Melayu

26 Bagaimanakah masyarakat Melayu tradisional menentukan sempadan kerajaan atau wilayah yang diperintah oleh raja?

- A Kehendak raja
- B Kesetiaan rakyat
- C Ketaatan pembesar
- D Kuatkuasa undang-undang

27 Rajah berikut menerangkan sistem pemerintahan di Kelantan.



Mengapakah sistem Jemaah Menteri ditubuhkan ?

- A Pemantapan sistem pentadbiran
- B Pemerintahan demokrasi
- C Ketaatan pembesar
- D Kecekapan sultan

28 Antara berikut, yang manakah merupakan kandungan Perlembagaan Rakyat 1947?

- A Warna biru dan kuning menjadi warna bendera Tanah Melayu
- B Singapura diasingkan daripada Tanah Melayu
- C Prinsip *Jus soli* dimansuhkan
- D Kerakyatan yang sama rata


29 Mengapakah pemimpin dan persatuan kaum tempatan membantah penyerahan berikut?

Tarikh	Peristiwa
8 Februari 1946	Pengisytiharan penyerahan Sarawak kepada British dibuat oleh Vyner Brooke

- A Percanggahan dengan Perlembagaan 1941
 - B Menamatkan sistem pemerintahan beraja
 - C Penghapusan hak istimewa pribumi
 - D Melambatkan kemerdekaan
- 30 Sistem Ahli merupakan tapak asas yang penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri.

Apakah ciri-ciri Sistem Ahli?

- I Kabinet bayangan
 - II Mempunyai sepuluh orang ahli
 - III Ahli diletakkan di bawah kuasa Gabenor British
 - IV Pelantikan ahli dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

31 Gambar menunjukkan  pertama.

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

Apakah bukti kebijaksanaan tokoh di atas dalam mengendalikan pakatan murni antara kaum?

- A Pembangunan negara
- B Penubuhan Malaysia
- C Kemerdekaan negara
- D Kemajuan ekonomi

32

Pemimpin Singapura, Lee Kuan Yew mendesak British menggabungkan Singapura dengan Tanah Melayu

Apakah faktor yang mendorong Lee Kuan Yew berbuat demikian?

- A Mendapatkan bantuan kewangan
- B Mengatasi perkembangan pengaruh komunis
- C Mewujudkan hubungan perdagangan dengan Tanah Melayu
- D Menyelesaikan masalah ketidakseimbangan penduduk di Singapura

33 Maklumat berikut berkaitan peristiwa penubuhan MAPHILINDO.

Sidang kemuncak di Manila dari 30 Julai – 5 Ogos 1963 dihadiri oleh Malaysia, Indonesia dan Filipina

Apakah tujuan penubuhannya?

- A Menyekat pengaruh komunis
- B Meningkatkan kerjasama ekonomi
- C Membaikpulih hubungan antara negara
- D Menyelesaikan masalah sempadan negara

34 Maklumat berikut berkaitan tindakan penentangan oleh Indonesia terhadap penubuhan Malaysia 1963.

- Menyerang kapal nelayan
- Menceroboh ruang udara

Apakah bukti tiada unsur kekerasan yang diambil oleh Malaysia dalam menangani isu tersebut?

- A Menghantar bantahan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- B Mengadakan lawatan diplomatik ke Indonesia
- C Memeterai perjanjian damai dengan Indonesia
- D Mengelak daripada membuat sebarang tindakan

35 Apakah fungsi badan perundangan (legislatif)?

- A Penentu arahan
- B Penguatkuasa undang-undang
- C Pembuat dasar-dasar kerajaan
- D Penggubal perlembagaan negara

36 Bagaimanakah pelantikan seseorang hakim dilakukan?

- A Pelantikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- B Pelantikan oleh Ketua Setiausaha Negara
- C Pelantikan oleh Yang Di Pertuan Agong
- D Pelantikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Undang-Undang dan Kehakiman

37 Apakah peranan utama agensi berikut?

Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) ditubuhkan pada tahun 1971

- A Membangunkan kawasan bandar
- B Memodenkan kawasan luar bandar
- C Memajukan bidang perindustrian
- D Menyediakan kemudahan asas

38 Maklumat berikut berkaitan dasar-dasar Kerajaan Malaysia.

- Dasar Pembangunan Nasional
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Dasar Pendidikan Kebangsaan

Apakah perkaitan dasar-dasar tersebut dalam merealisasikan Wawasan 2020?

- A Menjadikan Malaysia negara maju
- B Memupuk semangat perpaduan
- C Mewujudkan rakyat penyayang
- D Melahirkan masyarakat beretika

39 Faktor segera yang mencetuskan Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 ialah

- A pembunuhan pewaris takhta Austria-Hungary
- B penubuhan dua pakatan dalam kalangan negara Eropah
- C pengisytiharan perang oleh Austria ke atas Serbia
- D persaingan sengit merebut tanah jajahan

40 Maklumat berikut berkaitan Negara-Negara Selatan.

Negara-Negara Selatan atau dikenali sebagai Negara-negara Dunia Ketiga masih bergantung kepada negara-negara maju dunia.


Aspek kebergantungan yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas ialah

- A penawaran biasiswa pendidikan
- B pemberian modal kewangan
- C penyelesaian pertelingkahan
- D pasaran bahan mentah

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A
(40 markah)
Jawab semua soalan

1.



Rajah di atas merujuk kepada aspek peningkatan dalam Tamadun China.

a) Nyatakan dua sumbangan tamadun China dalam bidang sains dan teknologi kepada peradaban dunia.

i.

ii.

(2 markah)

b) Berikan dua contoh seni bina yang terdapat tamadun China.

i.

ii.

(2 markah)

c) Senaraikan dua kaedah pertanian yang diamalkan dalam tamadun China.

i.

ii.

(2 markah)

d) Apakah nilai yang perlu dicontohi daripada peningkatan tamadun China untuk mencapai kecemerlangan diri.

i.

ii.


(2 markah)

e) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan sikap yang boleh dicontohi daripada kemajuan masyarakat tamadun awal.

i.

ii.

(2 markah)



2. Maklumat di atas menunjukkan perjanjian yang telah dimeterai antara Nabi Muhammad s.a.w dan orang Arab Madinah.

a) Nyatakan **dua** isi penting Perjanjian Aqabah Kedua.

i.

ii.

(2 markah)

b) Kedua-dua perjanjian di atas juga telah mendorong berlakunya penghijrahan orang Islam dari Kota Makkah ke Madinah. Apakah maksud hijrah dalam konteks tamadun Islam.

i.

(1 markah)

c) Terangkan **dua** hujah untuk menyangkal pendapat orientalis Barat yang mengatakan hijrah sebagai suatu pelarian.

i.

ii.

(2 markah)

d) Senaraikan **tiga** kepentingan peristiwa hijrah kepada perkembangan tamadun Islam.

i.

ii.

iii.

(3markah)

e) Pada pendapat anda, apakah kepentingan sikap toleransi dalam perkembangan sesebuah negara?

i.

ii.

(2 markah)

Pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an, akhbar telah memainkan peranan penting dalam membangkitkan semangat kebangsaan di kalangan rakyat Tanah Melayu

3. a. Namakan penulis akhbar yang terkenal di Tanah Melayu pada tahun 1920-an dan 1930-an.
- i.
(1 markah)
- b. Apakah isu pendidikan yang sering ditulis dalam akhbar-akhbar pada ketika itu?
- i.
ii.
(2 markah)
- c. Nyatakan saranan yang boleh ditulis dalam akhbar bagi meningkatkan ekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu.
- i.
ii.
iii.
(3 markah)
- d. Berikan dasar-dasar British yang dikritik hebat oleh akhbar ketika itu?
- i.
ii.
(2 markah)
- e. Pada pendapat anda, apakah peranan yang patut dimainkan oleh akhbar bagi melahirkan politik yang stabil di Malaysia pada hari ini?
- i.
ii.
(2 markah)

Tarikh	Peristiwa	Tindakan
Jun 1961	Tunku Abdul Rahman membuat lawatan ke Sabah dan Sarawak	Menerangkan matlamat penubuhan Malaysia

a. Apakah langkah-langkah yang dijalankan untuk menjayakan pembentukan Malaysia?

i.

ii.

(2 markah)

b. Senaraikan dua orang tokoh yang terlibat dalam Suruhanjaya Cobbold.

i.

ii.

(2 markah)

c. Nyatakan **dua** laporan hasil tinjauan pendapat yang dijalankan oleh Suruhanjaya Cobbold.

i.

ii.

(2 markah)

d. Berikan **dua** cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Cobbold.

i.

ii.

(2 markah)

e. Berdasarkan pengkajian anda, mengapakah penduduk Sabah dan Sarawak menerima cadangan pembentukan Malaysia?

i.

ii.

(2 markah)

Bahagian B

(60 markah)

Jawab **tiga** soalan sahaja

Kerajaan Kedah Tua merupakan sebuah kerajaan maritim yang penting dalam kerajaan awal Asia Tenggara.

5. a) Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan kerajaan Kedah Tua sebagai pusat perdagangan di Asia Tenggara. (8 markah)
- b) Agama Hindu dan Buddha telah meninggalkan kesan yang ketara ke atas pelbagai aspek kehidupan masyarakat awal di Asia Tenggara. (6 markah)
- c) Jelaskan cara kedatangan pengaruh Hindu-Buddha ke Asia Tenggara. (6 markah)
6. Selepas kejatuhan tamadun Rom, Eropah telah mengalami zaman mundurnya yang dikenali sebagai Zaman Gelap.
- a) Jelaskan ciri-ciri zaman gelap di Eropah. (7 markah)
- b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah sistem feudalisme di Eropah dikatakan mempunyai persamaan dengan ciri-ciri feudalisme yang terdapat dalam Kesultanan Melayu Melaka ? (7 markah)
- c) Pada pandangan anda, bagaimanakah kita boleh menghindari kehidupan mundur seperti yang berlaku pada Zaman Gelap di Eropah untuk memastikan kemajuan negara terus terpelihara? (6 markah)
7. Pada umumnya, sistem pemerintahan negeri-negeri Melayu berdasarkan sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.
- a) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka. (8 markah)
- b) Terangkan pelaksanaan sistem pentadbiran dalam persekutuan Negeri Sembilan yang dikatakan mempunyai unsur demokrasi. (8 markah)

- c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kelebihan sistem pemerintahan demokrasi yang diamalkan di negara kita. (4 markah)
8. Suruhanjaya Reid ditubuhkan pada bulan Mac 1956 dan dipengerusi oleh Lord Reid, iaitu Hakim British.
- a) Apakah tujuan penubuhan Suruhanjaya Reid? (4 markah)
- b) Terangkan peranan Suruhanjaya Reid dalam menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. (10 markah)
- c) Andaikan anda seorang pemimpin, apakah usaha yang harus dilakukan untuk mengukuhkan sebuah negara yang berbilang kaum seperti Malaysia? (6 markah)

Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua merupakan konflik antarabangsa yang berlaku pada abad ke-20

9. a) Mengapakah berlakunya Perang Dunia Pertama? (7 markah)
- b) Terangkan kesan-kesan Perang Dunia Pertama. (8 markah)
- c) Pada pandangan anda, bagaimanakah kita dapat mewujudkan keamanan sejagat ? (5 markah)

SOALAN TAMAT

Soalan		Butiran	Markah
		Sains dan Teknologi	
1 a)	F1	Ilmu Perubatan	1
	F2	Konsep keseimbangan Yin dan Yang	1
	F3	Penciptaan teknologi kertas	1
	F4	Penciptaan layar	1
	F5	Penciptaan perahu lebih besar.	1
	F6	Ilmu pelayaran meningkat.	1
	F7	Aktiviti perdagangan laut meningkat.	1
	F8	Peningkatan perhubungan antara kawasan.	1
			2x1 Mak 2m
b)		Seni Bina	
	F1	Tembok Besar China	1
	F2	Tembok Batu	1
	F3	Kota Larangan	1
	F4	Binaan Kuil	1
	F5	Pagoda	1
	F6	Pelbagai bentuk pintu gerbang.	1
	F7	Pelbagai jambatan	1
	F8	Tembok	1
			2 x 1 Mak 2m
c)		Pertanian	
	F1	Memperkenalkan tenggala.	1
	F2	Membuat batas tanaman.	1
	F3	Menggunakan kolar kuda / menarik tenggala kayu / menarik kereta kuda	1
	F4	Memperkenalkan kereta sorong beroda	1
	F5	Penyisir tanah	1
	F6	Sistem penanaman secara bergilir untuk kesuburan tanah	1
	F7	Membentuk teres di kawasan bukit untuk pertanian	1
	F8	Membina sistem pengairan / terusan	1
	F9	Mengawal banjir	1
			2 x 1 Mak 2
d)		Nilai yang perlu dicontohi	
	F1	Mementingkan pendidikan.	1
	F2	Berpengetahuan tinggi.	1
	F3	Bersikap inovatif.	1
	F4	Bersifat saintifik.	1
	F5	Kreativiti dan futuristik.	1
	F6	Kebolehan megeksploitasi alam sekitar.	1
	F7	Berpegang teguh pada falsafah.	1
	F8	Mementingkan penyelidikan.	1
	F9	Mementingkan persatuan.	1
	F10	Mahir berdagang.	1

	F11	Menghormati dan setia kepada raja.	1
		Mana-mana jawapan munasabah	
			2x1 Mak 2m
e)		Sikap yang boleh dicontohi	
	F1	Sentiasa bersikap inovatif.	1
	F2	Sentiasa berusaha meningkatkan kehidupan.	1
	F3	Menjaga keamanan negara.	1
	F4	Mempunyai kebolehan menjangka perubahan.	1
	F5	Meningkatkan kemahiran.	1
	F6	Menambah ilmu.	1
	F7	Meneroka bidang baru.	1
		Mana-mana jawapan munasabah	1
			2x1 Mak 2m

Soalan	Huraian	Markah
2 (a)	F1 Mengukuhkan lagi taat setia kepada Nabi Muhammad SAW.	1 m
	F2 Menjemput Nabi Muhammad s.a.w dan orang Islam di Makkah berhijrah ke Madinah	1 m
	F3 Mereka secara sukarela akan menyediakan tempat tinggal	1 m
	F4 Menjanjikan keselamatan untuk baginda dan orang Islam Makkah	1 m
	F5 Menyatakan kesediaan mempertahankan Islam	1 m
	[mana-mana 2 x 1]	[2 m]
2 (b)	F1 Perpindahan orang Islam Makkah ke Madinah	1 m
	F2 Perpindahan adalah bertujuan untuk memperkukuhkan kedudukan Islam	1 m
	F3 Merupakan strategi baru untuk menyebarkan Islam.	1 m
	[mana-mana 2 x 1]	[1 m]
2 (c)	F1 Berhijrah atas jemputan dan persetujuan penduduk Madinah	1 m
	F2 Disambut dengan rela dan meriah oleh orang-orang Madinah.	1 m
	F3 Mereka juga telah diberi tempat tinggal dan dijamin keselamatan	1 m
	F4 Nabi Muhammad SAW sendiri telah dilantik sebagai pemimpin Madinah	1 m
	F5 Perlantikan baginda diterima dengan rela oleh semua golongan	1 m
	[mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]
2 (d)	F1 Islam secara meluas dan pesat	1 m
	F2 Kegiatan dakwah Islam dapat dilakukan secara aman	1 m
	F3 Membentuk perpaduan masyarakat Islam	1 m
	F4 Disatukan dibawah satu akidah	1 m
	F5 Mempersaudarakan orang-orang Muhajirin dan Ansar	1 m
	F6 Menjalinkan hubungan persaudaraan antara orang Islam Makkah dengan orang Islam Madinah	1 m
	F7 Pembentukan negara Islam yang pertama	1 m
	F8 Melahirkan sebuah pemerintahan masyarakat Islam yang adil, stabil, dan maju.	1 m
	F9 Wujud kiraan tahun hijrah dalam takwim Islam	1 m
	F10 Takwim Hijrah digunakan di negara Islam	1 m
	F11 Nama Yathrib ditukar kepada Madinah al-Munawwarah	1 m
	F12 Lahir sikap toleransi kaum dan semangat tolong menolong	1 m
	F13 Kesanggupan penduduk Madinah membantu golongan Muhajirin	1 m
	F14 sokongan dan pengorbanan sahabat-sahabat Nabi Muhammad SAW seperti Abu Bakar al-Siddiq, Ali bin Abu Talib, dan Abdul Rahman bin Auf.	1 m
	F15 Peranan kaum wanita	1 m
	F16 Hijrah juga telah menunjukkan ketabahan hati dan kebesaran jiwa	1 m

	Nabi Muhammad SAW		
	F17	Sanggup berkorban dan meninggalkan kesenangan hidup demi memperjuangkan Islam	1 m
	F18	Tidak pernah berputus asa apabila menempuh kegagalan.	1 m
	F19	Menampakkan kebijaksanaan Nabi Muhammad SAW mengatur strategi perjuangan	1 m
	F20	Wujud perlembagaan untuk mentadbir Madinah yang dinamakan Piagam Madinah	1 m
		[mana-mana 3 x 1 m]	[3 m]
2 (e)	F1	Melahirkan masyarakat bersatu-padu	1 m
	F2	Mewujudkan keamanan	1 m
	F3	Mewujudkan kerjasama antara kaum	1 m
	F4	Memastikan ekonomi negara terus berkembang	1 m
	F5	Mewujudkan kestabilan politik	1 m
		Mana-mana yang munasabah	
		[mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

Soalan	Butiran	Markah
3 (a)	F1 Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) F2 Dato' Onn Ja'aaafar F3 Abdul Rahim Kajai [Mana-mana 1 x1 m]	1 1 1 (2m)
3 (b)	F1 Memajukan pendidikan tinggi orang Melayu F2 Menggalakkan pendidikan untuk anak perempuan F3 Menyeru orang Melayu supaya meninggalkan sikap negatif F4 Orang Melayu tidak memilih pekerjaan F5 Menyeru orang Melayu supaya berusaha F6 Menggalakkan tabungan di kalangan orang melayu untuk pendidikan anak-anak F7 Mementingkan kemahiran tradisional orang Melayu seperti pertukangan dan kerja tangan F8 Mementingkan pendidikan bahasa Inggeris untuk kemajuan orang Melayu F9 Meminta taraf sekolah Melayu dibaiki dengan memberikannya nilai ekonomi F10 Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran British F11 Menyeru orang melayu supaya tidak meninggalkan pendidikan Islam F12 Mengekalkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu [Mana-mana 2x1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 (2m) 1

3 (c)	F1 Menggalakkan syarikat kerjasama	1
	F2 Meminta British mengurangkan kemasukan orang dagang	1
	F3 Menggalakkan perniagaan di kalangan orang Melayu	1
	F4 Melarang orang Melayu daripada menjual tanah mereka	1
	F5 Menyeru orang Melayu supaya berjimat cermat	
	F6 Meminta British mengadakan kampung khas Melayu di Kuala Lumpur	(2m)
3 (d)	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	1
	[Ma	1
	na-mana 2x1 m]	1
	F1 Mengkritik British kerana mengurangkan kuasa Raja-Raja Melayu	1
	F2 Mengkritik para pembesar dan Raja-Raja Melayu kerana tidak melaksanakan kepimpinan yang sewajarnya untuk rakyat	1
	F3 Menolak dasar pilih kasih British dalam pentadbiran kerajaan	(2m)
3 (e)	F4 Menuntut diadakan Malay Administrative Service (M.A.S) untuk melindungi orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan	1
	F5 Menyeru orang Melayu di seluruh Tanah Melayu supaya bersatu dalam sebuah pertubuhan kebangsaan	1
	F6 Menentang tuntutan orang dagang terhadap politik tempatan	1
	[Ma	(2m)
	na-mana 2x1 m]	
	F1 Menyeru rakyat supaya bersatu padu	
F2 Mementingkan sifat saling bekerjasama		

	<p>F3 Menekankan sifat bertolak ansur</p> <p>F4 Menghormati pemimpin</p> <p>F5 Hubungan murni di kalangan rakyat</p> <p>F6 Melahirkan rakyat yang mencintai negara (Mana-mana jawapan yang munasabah)</p> <p>[Ma na-mana 2x1 m]</p>	
Soalan	Butiran	Markah
4(a)	<p>F1 Mengadakan lawatan ke Sarawak, Sabah dan Brunei dalam usaha untuk menerangkan konsep, tujuan dan matlamat penubuhan Malaysia</p> <p>F2 Rundingan juga diadakan antara Pegawai-Pegawai Kanan Persekutuan Tanah Melayu dengan Pegawai-Pegawai British dari Sarawak, Sabah dan Singapura.</p> <p>F3 Suatu Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia ditubuhkan</p> <p>F4 Penubuhan Suruhanjaya Cobbold</p> <p>F5 Pembentukan Jawatankuasa antara Kerajaan</p>	<p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>(2m)</p>
(b)	<p>F1 Lord Cobbold</p> <p>F2 Sir Anthony Abel</p> <p>F3 Sir David Watherston</p> <p>F4 Ghazali Shafie</p> <p>F5 Wong Pow nee</p>	<p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>(2m)</p>
(c)	<p>F1 Satu per tiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong gagasan Malaysia tanpa syarat.</p> <p>F2 Satu pert tiga menyokong dengan syarat kepentingan mereka harus dilindungi</p> <p>F3 Satu pertiga lagi menginginkan kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia</p>	<p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>(2m)</p>
(d)	<p>F1 Perlembagaan Malaysia haruslah berasaskan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu</p>	<p>1m</p>

	<p>1957</p> <p>F2 Kuasa diberikan kepada Sabah dan Sarawak untuk menentukan dasar imigresen dan bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan</p> <p>F3 terdapat jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sabah dan Sarawak</p> <p>F4 Pemberian nama Malaysia</p> <p>F5 Penentuan tarikh penubuhan Malaysia</p>	<p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>(2m)</p>
(e)	<p>F1 Usaha yang bersungguh-sungguh oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu</p> <p>F2 Penduduk Sabah dan Sarawak lebih suka menyertai Malaysia berbanding dengan Indonesia atau Filipina</p> <p>F3 Ciri-ciri kepimpinan pemimpin Tanah Melayu</p> <p>F4 Sikap bekerjasama pemimpin di Tanah Melayu (mana-mana yang munasabah)</p>	<p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>(2m)</p>

Soalan 5	Butiran	Markah
(a)	F1 terletak di Lembah Bujang	1m
	F2 berperanan sebagai pelabuhan entreport	1m
	F3 dikunjungi pedagang China dan Timur Tengah	1m
	F4 Gunung Jerai menjadi panduan kapal dagang ke pelabuhan	1m
	F5 kedudukan yang strategik di Selat Melaka	1m
	F6 terlindung daripada tiupan angin monsun	1m
	F7 kemudahan menyimpan barang dan membaiki kapal	1m
	F8 barang dagangan daripada negara luar seperti sutera / tembikar / manik	1m
	F9 kaya hasil hutan contohnya damar/rotan/timah	1m
	F10 mahir ilmu bintang / pelayaran	1m
	8 markah	
(b)	F1 : Pengaruh Hindu dibawa oleh Ksyatria / tentera yang menakluk Asia Tenggara	1m
	F2 : Dibawa oleh pedagang / vaisya	1m
	F3 : Dibawa oleh golongan Brahmin/pendeta	1m
	F4 : Aspek-aspek kebudayaan India yang menarik dan disesuaikan dengan budaya tempatan	1m
	F5 : Jumpaan seni arca mempunyai ciri langgam India di Srivijaya	1m
	F6 : Penenerimaan aspek-aspek budaya dari India berbeza mengikut pemerintah	1m
	F7 : Kedah Tua menerima pengaruh Buddha	1m
	F8 : Dieng (Indonesia) menerima pengaruh Hindu	1m
	F9 : Kerajaan di Takuapa dan di Pulau Bangka menganut agama Hindu mazhab Vishnu	1m
	F10 : Sumatera dan Jawa mengamalkan agama Buddha Mahayana	1m
	6 markah	
(c)	F1 : Berani meneroka bidang baru	1m
	F2 : Mempunyai semangat yang tinggi	1m
	F3 : Kuat berusaha / gigih	1m
	F4 : Mempunyai ilmu pengetahuan / bijaksana	1m
	F5 : Berdaya saing	1m
	F6 : Mempunyai teknologi yang moden	1m
	F7 : Amanah	1m
	F8 : Proaktif	1m
	F9 : Berwawasan / berpandangan jauh	1m
	6 markah	

Soalan	Butiran	Markah		
6 (a)	F1	Mengalami kemerosotan	1 m	
	H1a	dalam bidang ilmu pengetahuan	1 m	
	H1b	Perdagangan	1 m	
	H1c	Kehidupan di bandar	1 m	
	H1d	Tidak terdapat pentadbiran pusat yang berkesan/ pemerintahan pusat lemah	1 m	
	F2	Kemunculan golongan baron (tuan tanah) yang berpengaruh	1 m	
	H2a	Petani terpaksa mencari perlindungan dari tuan tanah	1 m	
	H2b	Petani terpaksa membayar cukai yang tinggi kepada tuan tanah	1 m	
	H2c	Petani yang tidak mampu terpaksa menyerahkan tanah	1 m	
	H2d	Petani terpaksa menjadi hamba	1 m	
	F3	Tuan tanah mendapat perlindungan daripada raja	1 m	
	H3a	Sebagai tukaran tuan tanah mesti memberi khidmat	1 m	
	H3b	dan membayar cukai kepada raja	1 m	
	F4	Gereja Katolik merupakan institusi yang amat berkuasa	1 m	
	H4a	Memiliki hartanah yang banyak	1 m	
	H4b	Memberi fokus kepada amalan agama dan ilmu keakhiratan sahaja	1 m	
	H4c	Gereja mengongkong kehidupan masyarakat Eropah	1 m	
	F5	Kegiatan perdagangan tidak meluas kerana gangguan orang Viking dan Magyar	1 m	
	H5a	Orang Eropah tidak berupaya menyaingi penguasaan orang Islam	1 m	
	H5b	Kegiatan ekonomi yang terhad	1 m	
	H5c	Tumpuan kepada kegiatan pertanian	1 m	
	H5d	Perniagaan barangan pertanian dijalankan menerusi tukaran barang	1 m	
	H5e	Penggunaan mata wang terhad	1 m	
			[mana-mana 7 x 1 m]	[7 m]
	6 (b)	F1	Terdiri daripada golongan pemerintah (raja)	1 m
		F2	Terdapat golongan yang diperintah (rakyat)	1 m
		F3	Terdapat golongan hamba	1 m
F4		Raja memiliki tanah secara mutlak	1 m	
F5		Pentadbirannya dibantu oleh pembesar	1 m	
F6		Raja mengurniakan tanah kepada pembesar untuk ditadbir	1 m	
F7		Pembesar mendapat naungan / perlindungan daripada raja	1 m	
F8		Pembesar memberikan khidmat kepada raja	1 m	
F9		Pembesar membayar cukai kepada Raja	1 m	
F10		Golongan hamba memberi khidmat kepada golongan pembesar	1 m	
		[mana-mana 7 x 1 m]	[7 m]	
Soalan	Butiran	Markah		
6 (c)	F1	Mengekalkan kestabilan politik	1 m	
	F2	Menjaga kebajikan rakyat	1 m	
	F3	Menjaga keamanan	1 m	
	F4	Mengutamakan kepentingan rakyat	1 m	
	F5	Mengelakkan perpecahan	1 m	
	F6	Mengelakkan campur tangan kuasa asing	1 m	
	F7	Memajukan perdagangan dan perniagaan	1 m	
	F8	Memperkasa kemajuan teknologi.	1 m	

Soalan 7	Butiran	Markah
(a)	F1 Wilayah pengaruh	1m
	H1a kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seorang raja	1m
	C1a Wilayah-wilayah meliputi keseluruhan semenanjung Tanah Melayu	1m
	C1b seluruh Timur Sumatera.	1m
	F2 Kedaulatan	1m
	H2a dirujuk kepada raja yang memerintah	1m
	H2b mewakili negeri/kawasan pemerintahan	1m
	H2c kekuasaan tertinggi terhadap rakyat	1m
	H2d kekuasaan ini tidak boleh dihadkan oleh mana-mana pihak.	1m
	H2e kekuasaan yang dimiliki oleh sesebuah negara atau pemerintah	1m
	H2f boleh menggunakan segala kuasa untuk menggubal dan	

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://fb.me/edu.joshuatly>

	menguatkuasakan undang-undang.	1m
	H2g bebas daripada campurtangan/paksaan/taklukan kuasa asing	1m
	F3 Lambang Negara	
	H3a simbol/tanda yang menjadi identiti sesebuah negara	1m
	H3b Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan	1m
	H3c Bahasa Melayu lambang penyatuan negara/bangsa	1m
	H4d Alat kebesaran sultan	1m
	C1a alat regalia/nobat/warna/bahasa/undang-undang/protokol/ adat istiadat istana	1m 1m
	F4 Keunggulan Undang-Undang	
	H4a cara formal untuk mengawal masyarakat.	1m
	H4b untuk memelihara keamanan dan melindungi rakyat	1m
	H4c Terdapat 2 sumber undang-undang bertulis	1m
	C4a Hukum Kanun Melaka	1m
	C4b Undang-undang Laut Melaka	1m
	F5 Rakyat	
	H5a Seluruh penduduk sesebuah wilayah/negara	1m
	H5b terikat kepada undang-undang/peraturan	1m
	H5c Rakyat bertanggungjawab mentaati raja	1m
	H5d rakyat bersedia mempertahankan negara/menghadiri adat istiadat kerajaan/mengadakan gotong-royong/kerahan tenaga.	1m 1m
	F6 Kerajaan	
	H6a badan yang diberikan kuasa	
	H6b untuk menguruskan pentadbiran/menjaga keamanan /mempertahankan negara /menjalin hubungan diplomatik.	1m
	H6c Raja/Sultan merupakan pemerintah tertinggi	1m
	H6d Dibantu oleh Bendahara/Penghulu Bendahari/ Temenggung/Laksamana	1m
	H6e Diberi portfolio mengikut bidang tugas masing/masing iaitu di istana/di darat/ di laut/ di sekitar Melaka/ di jajahan takluk.	1m
	H6f Sistem Pembesar Empat Lipatan.	1m
(b)	F1 sistem pemerintahan	1m
	H1a berdasarkan Adat Perpatih	1m
	H1b kedaulatan berada di tangan rakyat	1m
	F2 pelantikan pemimpin	1m
	H2a dibuat daripada peringkat paling bawah	1m
	H2b Anak buah diikuti oleh Buapak, Lembaga dan Undang yang kemudiannya melantik Yang Dipertuan Besar	1m
	H2c Yang Dipertuan Besar tidak berhak melantik pembesar.	1m
	H2d Pelantikan pembesar dibuat oleh Undang/ Lembaga/ Buapak/ Anak Buah.	1m
	H2e Setiap keputusan Yang Dipertuan Besar adalah berdasarkan perundingan dengan Undang	1m
	F3 Daerah/Jajahan/Luak	1m

	H3a terdapat empat Luak utama	1m
	H3b Rembau/ Sungai Ujong/ Jelebu/ Johol	1m
	F4 Ketua setiap Luak ialah Undang	1m
	F5 Undang dipilih oleh Lembaga	1m
	F6 Undang bertanggungjawab melantik Yang Dipertuan Besar	1m
	F7 Lembaga dilantik oleh Buapak	1m
	F8 Lembaga berkuasa memilih individu yang layak menjadi Undang	1m
	F9 Buapak merupakan Ketua Perut	
	F10 Setiap anggota Perut dikenali sebagai Anak Buah.	1m
	F11 Buapak menjadi tempat rujukan setiap masalah.	1m
		1m
		(8 markah)
(c)	F1 Jamin keamanan	1m
	F2 Bebasan bersuara	1m
	F3 Bebas berpersatuan	1m
	F4 Meningkatkan ekonomi	1m
	F5 Menjamin hak asasi	1m
	F6 Menjamin kesamarataan	1m
	F7 Melahirkan pemimpin yang berwibawa	1m
	F8 Perpaduan	1m
	F9 Keadilan	1m
	(Mana-mana munasabah)	(4 markah)

Soalan		Butiran	Markah
8 (a)	F1	Dibentuk pada bulan Mac 1956.	1
	F2	Bagi membincangkan dan menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.	1
	F3	Bertugas merangka sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan merdeka.	1
	F4	Diketuai oleh Lord Reid (Hakim British), Sir Ivor Jennings (England), Sir William dan McKell (Bekas Gabenor Jeneral Australia).	1
	F5	Ahli lain dari Asia ialah Tuan B. Malik (Hakim Mahkamah Tinggi India), dan Tuan Abdul Hamid (Pakistan).	1
			4X1 Mak 4m
(b)	F1	Merangka sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan merdeka	1
	F2	Pembentukan sebuah kerajaan persekutuan yang kuat.	1
	F3	Pemberian kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang tertentu.	1
	F4	Isu kedudukan Raja-raja Melayu dalam Persekutuan Tanah Melayu.	1
	F5	Hak istimewa orang Melayu	1
	H5a	Sebagai penduduk peribumi	1
	F6	Kewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu.	1
	F7	Kerakyatan jus soli	1
	H7a	Orang Melayu tidak menerima tuntutan orang dagang.	1
	F8	Agama Islam	1
	H8a	Sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu.	1
	F9	Bahasa Melayu	1
	H9a	Sebagai bahasa kebangsaan.	1
			10x1 = 10 m
(c)	F1	Mementingkan perpaduan	1
	F2	Melaksanakan konsep satu Malaysia	1
	F3	Mengamalkan pemerintahan yang demokratik	1
	F4	Menstabilkan negara	1
	F5	Mewujudkan pemerintahan yang aman	1
	F6	Mewujudkan pemerintahan yang adil/saksama	1
	F7	Mengambil kira pandangan semua kaum	1
	F8	Mewujudkan persefahaman antara kaum	1
	F9	Melaksanakan dasar kebudayaan nasional	1
	F10	Mewujudkan sekolah wawasan	1
		Mana-mana jawapan munasabah	6x1Mak 6m

Soalan	Butiran	Markah
9(a)	F1 Faktor politik	1
	H1a Kemunculan nasionalisme	1
	H1b Negara-negara kecil di Eropah telah bersatu	1
	H1c Membentuk sebuah negara bangsa yang lebih besar	1
	C1a Jerman dan Itali	1
	H1d Jerman dan Itali menyertai kuasa besar Eropah	1
	C1b Britain / Perancis / Austria-Hungary / Rusia	1
	H1e Untuk mendapatkan tanah jajahan	1
	H1f Kuasa-kuasa besar ini sanggup berperang	1
	H1g Bagi membuktikan kekuasaan masing-masing	1
	F2 Pakatan negara-negara Eropah	1
	H2a Persaingan antara kedua-dua pakatan	1
	H2b Mengancam perimbangan kuasa dunia	1
	H2c Perikatan Kuasa Tengah / Triple Alliance	1
	H2e Dianggotai oleh Jerman / Austria-Hungary / Itali	1
	H2f Turut disertai Turki dan Bulgaria	1
	H2g Pakatan Bertiga / Triple Entente	1
	H2h Terdiri daripada Britain / Perancis / Rusia / Itali / Jepun	1
	F3 Faktor ekonomi	1
	H3a Persaingan kuasa-kuasa merebut peluang ekonomi	1
	H3b Persaingan sengit akibat Imperialisme Baru	1
	H3c Untuk membentuk lingkungan pengaruh masing-masing	1
	H3d Bagi mendapatkan bahan mentah	1
	H3e Memasarkan barangan siap	1

	F4 Faktor segera	1
	H4a Pembunuhan Archduke Ferdinand / pewaris takhta Austria-Hungry oleh seorang penganas Serbia	1
	H4b Austria dengan sokongan Jerman	1
	H4c Telah mengisytiharkan perang terhadap Serbia	1
	H4d Serbia disokong oleh sekutunya Rusia / Perancis	1
	H4e Serangan terhadap Perancis melalui negara berkecuali iaitu Belgium	1
	H4f Menimbulkan kemarahan Britain	1
	H4g Britain sememangnya bermusuhan dengan Jerman turut campur tangan	1
	H4h Britain meminta bantuan Amerika Syarikat	1
	H4i Jerman turut menyerang kapal dagang Amerika Syarikat	1
	[Mana-mana 7 x 1m]	[7 m]
9 (b)	F1 Politik	1
	H1a Tamatnya pemerintahan beraja di Eropah	1
	H1b Persidangan Damai pada bulan Jun 1919	1
	H1c Membawa kepada termeterinya Perjanjian Versailles.	1
	H1d Peta Eropah telah berubah	1
	H1e Terbentuknya beberapa buah negara baru	1
	F2 Pembentukan Liga Bangsa	1
	H2a Untuk menggalakkan keamanan	1
	H2b Kerjasama antarabangsa	1
	H2c Menjamin keselamatan bersama	1
Soalan	Huraian	Markah

	H2d Keahlian liga termasuk Negara-negara Bersekutu	1
	H2e kecuali Amerika Syarikat dan negara-negara Berkecuali	1
	H2f Gagal menjamin kesejahteraan dunia	1
	F3 Ekonomi	1
	H3a Negara-negara yang berperang mengalami inflasi	1
	H3b Hutang peperangan yang tinggi	1
	H3c Disebabkan perbelanjaan perang yang terlalu besar	1
	H3d Pada akhir peperangan, Pakatan Bertiga membelanjakan US\$125 bilion	1
	H3e Perikatan Kuasa Tengah membelanjakan US\$60 bilion	1
	H3f Masalah pengangguran	1
	H3g Pasaran dunia diambil alih oleh Amerika Syarikat / Jepun	1
	H3h Dirasai oleh Britain yang menguasai peratusan terbesar dalam perdagangan dunia	1
	h3i Britain hilang satu pertiga perdagangan dunia	1
	F4 Sosial	1
	H4a kehilangan nyawa yang begitu ramai	1
	H4b kerosakkan harta benda	1
	[Mana-mana 8 x 1 m]	[8 m]
9 (c)	F1 Menghargai perdamaian	1
	F2 Semangat kemanusiaan tinggi	1
	F3 Menghargai nyawa	1
	F4 Mementingkan persaudaraan	1
	F5 Hidup bersatu	1
	F6 Mengamalkan semangat masyarakat	1
	F7 Saling bekerjasama	1

	<p>F8 Saling menghormati</p> <p>F9 Menghormati hak asasi</p> <p>F10 Menolak perlumbaan senjata (Mana-mana jawapan munasabah)</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 5 x 1 m]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>[5 m]</p>
--	--	---